



SIARAN MEDIA

PERKASA OKU - KPWKM PERUNTUK RM 133.5 JUTA BAGI PROGRAM PEMULIHAN DALAM KOMUNITI (PDK)

SEBERANG PERAI 30 JUN - YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (KPWKM), hari ini telah menyempurnakan Majlis Penyampaian Replika Cek, Sijil dan Penyerahan Kerusi Roda kepada golongan sasaran KPWKM, bertempat di Dewan JKK Sungai Kechil, Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang.

YB Menteri dalam majlis ini, telah menyerahkan bantuan kewangan Kerajaan bernilai **RM558,723.60** kepada Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) Puteri Gunung bagi menampung pemberian elaun pelatih OKU saguhati penyelia dan petugas, sewaan premis dan utiliti.

Sehingga **April 2024** sejumlah **RM133,547,788.20** telah disalurkan oleh pihak Kerajaan kepada PPDK seluruh negara, manakala sejumlah **RM8,430,313.80** disalurkan kepada PPDK seluruh negeri Pulau Pinang. Bantuan kewangan ini adalah untuk memastikan program dan aktiviti harian PDK berjalan lancar termasuk program pemulihan dan pembangunan dengan penglibatan aktif keluarga dan masyarakat setempat.

Program PDK merupakan strategi dalam pembangunan komuniti setempat bagi pemulihan, latihan, pendidikan, penyamaan peluang dan integrasi sosial orang kurang upaya (OKU). Sehingga kini, terdapat sebanyak 570 buah PPDK di seluruh negara, dengan sebanyak 24 buah daripadanya adalah terletak di Pulau Pinang.

Terdahulu, YB Menteri turut menyantuni klien Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di Sungai Bakap, dan menyerahkan kelulusan bantuan kewangan Bantuan Pesakit Terlantar (BPT). YB Menteri turut serta bersama Sukarelawan Khidmat Bantu Dirumah (KBDR) menyantuni klien JKM, seorang ibu tunggal warga emas yang tidak mampu menguruskan diri disebabkan masalah penglihatan dan kurang daya ingatan. Berdasarkan rekod JKM, negeri Pulau Pinang mempunyai seramai 32 orang Sukarelawan KBDR, bersedia membantu warga emas yang memerlukan.

Kementerian melalui JKM sentiasa berusaha untuk memberikan komitmen yang jitu ke arah pembangunan dan pemerkasaan golongan sasar Kementerian bagi memastikan kesejahteraan dan seterusnya meneroka potensi bagi menyumbang kembali kepada masyarakat.

Turut hadir dalam majlis ini ialah YB Lim Siew Khim, Exco Pembangunan Sosial, Kebajikan dan Hal Ehwal Bukan Islam Pulau Pinang, YBrs. Puan Rosmahwati binti Ishak, Timbalan Ketua Pengarah (Strategik) JKM, YBrs. Zakaria bin Taib, Pengarah JKM Negeri Pulau Pinang serta Pegawai-pegawai Kanan Kementerian & Agensi.

###

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
30 Jun 2024**